

Jan 2020



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

79

th
ISSUE

info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



PROGRAM PENYALURAN INSENTIF dKASIH UNTUK SISWA DAN SISWI UiTM CAWANGAN SARAWAK TAHUN 2019

Oleh: Unit Korporat

Universiti Teknologi Mara Cawangan Sarawak (UiTMCS) telah mengadakan Program Penyaluran Insentif dKasih untuk Siswa dan Siswi UiTM Cawangan Sarawak pada 14 November 2019 bertempat di Bilik Sarjana Kampus Samarahan. Program Kasih Siswa Tahun 2019 merupakan salah satu inisiatif di bawah inisiatif baharu didik Kasih (dKasih) bagi tahun 2019 yang telah mendapat Peruntukan Khas YAB TPM. Program ini diadakan bagi tujuan memberi insentif kepada pelajar untuk menampung keperluan awal setelah selesai melaporkan diri di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Program tersebut telah dihadiri oleh YBhg. Profesor Madya Dr. Hasmah binti Mohidin, Penolong Rektor Kampus Samarahan 2, tetamu jemputan khas iaitu Tuan Mohd Zaki bin Mahyudin, Pengarah Pembangunan Persekutuan Negeri Sarawak (PPNS) dan Yang Berusaha Encik Awang Afferoz bin Awang Marikan, Ketua Penolong Pengarah Kesejahteraan Rakyat. Berdasarkan padanan data yang diterima daripada Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), didapati bahawa sebanyak 127 pelajar daripada Universiti, Kolej Komuniti dan Politeknik di seluruh Negeri Sarawak tersenarai bagi sesi kemasukan tahun 2019/2020. Untuk pengajian peringkat ijazah seramai 27 orang pelajar telah terpilih iaitu 7 pelajar daripada UiTM Samarahan dan 20 pelajar daripada UNIMAS. Dalam pada itu, untuk pengajian peringkat diploma seramai 100 orang pelajar terpilih iaitu 40 pelajar daripada UiTM Samarahan, 21 pelajar daripada Politeknik Kuching, 35 pelajar daripada Politeknik Mukah, 3 pelajar daripada Kolej Komuniti Sarikei dan 1 pelajar daripada Kolej Komuniti Miri.



(atas): Sesi bergambar beramai-ramai bersama YBhg Tuan Mohd Zaki bin Mahyudin, Pengarah Pembangunan Persekutuan Negeri Sarawak (PPNS) dan (bawah): Penyerahan Insentif Program Kasih Siswa Tahun 2019 Negeri Sarawak



JOM SIHAT KEKITA 2019

Oleh Aima Sumiyati Binti Maliki

Program Jom Sihat KEKITA 2019 anjuran KEKITA dengan Kerjasama Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi telah diadakan di Ruai Pengawa dan Kompleks Sukan Kampus Samarahan. Program dikendalikan oleh Biro Sukan KEKITA dengan inisiatif untuk menggalakkan penglibatan staf dalam aktiviti bersenam dan sekali gus mewujudkan kesedaran tentang pentingnya senaman dalam mengamalkan gaya hidup sihat. Penyertaan terbuka kepada semua staf UiTM Cawangan Sarawak. Facilitator program terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi UiTM Cawangan Sarawak. Objektif program adalah untuk memupuk gaya hidup sihat dalam kalangan staf, mengamalkan budaya "Sporting Campus", dan berkongsi kemahiran mahasiswa dan mahasiswi UiTM. Ia juga sebagai platform pendedahan mahasiswa dan mahasiswi UiTM kepada sektor industri sukan. Program ini dijalankan secara bersesi mulai 21 Jun sehingga 4 September 2019, melibatkan penyertaan seramai 26 orang. Antara aktiviti yang dijalankan ialah 'weight-in', latihan, Tabata, Zumba dan 'Cardio Training'. Majlis penutupan dan penyampaian hadiah telah diadakan pada 5 September 2019. Para pemenang bagi program ini adalah Puan Eda Tua (Johan), Encik Mohd Azhar Abu Bakar (Naib Johan), Puan Nurdiana Abdullah (Ketiga), Puan Aima Sumiyati Binti Maliki (Keempat) dan Encik Yusuf Melian (Kelima). Para pemenang masing-masing membawa pulang wang tunai bernilai RM200.00 (Johan), RM150.00 (Naib Johan), RM100.00 (Ketiga) dan RM50.00 (Keempat dan Kelima). Penyampaian hadiah kepada pemenang telah disempurnakan oleh Presiden KEKITA, Dr. Kamaruddin Jaraee. Turut diadakan pada majlis tersebut adalah Fitness Dance 'Ladies Day'.

Pada 13 dan 14 Julai 2019, Junior Cycling Malaysia (JCM) Sarawak Series 2019 telah mengadakan program yang menggabungkan perlumbaan jalan dan perlumbaan kriterium bertempat di Kompleks Stadium Sarawak. UiTM Sarawak Cycle Club (USCC) tidak ketinggalan memberi sokongan kepada kejuaraan ini dengan menghantar penyertaan dalam perlumbaan ini untuk acara Sarawak Close Road Race sejauh 105km. Acara ini dianjurkan bersama CIMB Foundation Junior Cycling Malaysia (JCM) dengan Kementerian Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian, Belia dan Sukan (MTACYS), Sarawak Sports Corporation (SSC) dan Persatuan Berbasikal Sarawak (SCA). Menurut Ketua Pegawai Eksekutif SSC, acara kejuaraan berbasikal ini merupakan CIMB-JCM Series yang pertama kalinya diadakan di Sarawak. Matlamat utama acara ini adalah untuk memupuk dan mencari bakat baru atlet berbasikal di seluruh negara. Pada masa yang sama, acara ini juga merupakan platform kepada sukan berbasikal untuk membentuk atlet berbasikal yang bercita-cita tinggi dan kompetitif serta bertujuan untuk memberi pendedahan kepada sukan berbasikal di arena tempatan, serantau dan antarabangsa. Pada masa yang sama, JCM Community Ride turut berlangsung pada 13 Julai 2019 pada jam 7.00 pagi. Kayuhan yang bermula dan berakhir di Dataran Pusat Akuatik Pandalela Rinong telah diketuai oleh Presiden SCA, Datuk Benjamin Haji Hasbie. USCC turut menyertai acara ini di mana kayuhan adalah di sekitar kawasan Petra Jaya dengan jarak kayuhan sejauh 20km.

UiTM Sarawak Cycling Club (USCC) Sertai Junior Cycling Malaysia (JCM) Sarawak Series 2019

Oleh: Aima Sumiyati binti Maliki





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Corporate Communications Unit

Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110

E-mail: corporate@uitm.edu.my

www.sarawak.uitm.edu.my

ISSN 2232-1578

